



## SIARAN MEDIA

---

### MALAYSIA KEKAL SEBAGAI AHLI JAWATANKUASA PEMANDU APCERT

**CYBERJAYA, 10 November 2022** – Malaysia, melalui CyberSecurity Malaysia, telah dipilih semula secara sebulat suara sebagai Ahli Jawatankuasa Pemandu Pasukan Tindak Balas Kecemasan Komputer Asia (*Asia Pacific Computer Emergency Response Team – APCERT*) bagi sesi 2023-2025. Pemilihan tersebut dibuat sewaktu Mesyuarat Agung Tahunan APCERT yang berlangsung secara dalam talian pada 8 November 2023.

Ahli Jawatankuasa Pemandu APCERT juga bersetuju untuk melantik CyberSecurity Malaysia sebagai Timbalan Pengerusi APCERT bagi sesi 2023-2024. Pemilihan dibuat berdasarkan pengalaman Malaysia sebelum ini sebagai Pengerusi APCERT selama empat sesi berturut-turut. Pada mesyuarat kali ini, CyberSecurity Malaysia turut memenangi Anugerah APCERT 2023 sebagai ahli paling aktif dalam memberi sumbangan kepada platform kerjasama ini.

Menteri Komunikasi dan Digital, YB Fahmi Fadzil berkata, “Pemilihan Malaysia sebagai Timbalan Pengerusi APCERT mencerminkan kepercayaan anggota APCERT terhadap kecekapan dan kebolehpayaan CSM menerajui bidang keselamatan siber di peringkat antarabangsa. Anugerah APCERT 2023 pula merupakan pengiktirafan terhadap usaha, kesungguhan dan komitmen negara dalam menangani ancaman siber di rantau Asia Pasifik.”

Dengan pemilihan ini, CyberSecurity Malaysia akan terus menganggotai Jawatankuasa Pemandu APCERT yang turut dianggotai oleh Pasukan Tindak Balas Kecemasan Komputer dari negara Australia, Republik Rakyat China, Republik Korea, China Taipei, Jepun, dan juga Sri Lanka.

CyberSecurity Malaysia merupakan salah satu organisasi pengasas APCERT pada tahun 2002. APCERT kini mempunyai keanggotaan dari 24 ekonomi Asia Pasifik.

**Dikeluarkan oleh:  
Jabatan Outreach & Komunikasi Korporat  
CyberSecurity Malaysia**